



Khoo Kay Kim

Sumbangan Kay Kim gubal Rukun Negara terus dihargai

Idea jadi rujukan pelbagai pihak dalam bidang budaya, sejarah, kesusasteraan

Kuala Lumpur: Peribahasa harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama cukup sesuai bagi menggambarakan jasa dan sumbangan ditinggalkan Profesor Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim yang masih belum ada galang ganti terutama kepakarannya dalam sejarah tanah air.

Selepas lebih setahun sejarahawan itu meninggal dunia akibat jangkitan paru-paru pada 28 Mei tahun lalu, buah fikiran dan pandangannya yang sering dijadikan rujukan banyak pihak termasuk media masih dirindui terutama menjelang Hari Kebangsaan ke-63 yang akan disambut 31 Ogos depan.

Malah sambutan ulang tahun ke-50 Rukun Negara tahun ini juga sangat signifikan dengan Kay Kim, yang menjadi seorang da-



“Rukun Negara yang menjadi panduan setiap warga Malaysia sudah bersemarak agak lama. Namun, penghayatannya masih kurang untuk masyarakat kita benar-benar memahami apa yang terkandung dalam Rukun Negara.”

Eddin Khoo

Eddin, 51, juga individu yang tidak asing dalam kalangan rakyat Malaysia terutama mereka yang mengikuti perkembangan budaya, sejarah dan kesusasteraan.

Eddin adalah seorang penulis, aktivis kebudayaan dan penaung Pusaka, sebuah organisasi kebudayaan yang menjadi penyambung legasi bapanya terutama dari sudut pemikiran dan panda-

mana bapa saya sangat fasih dalam bahasa itu,” katanya.

Kongsi Eddin, dia dan adik beradiknya dididik untuk menjaga adab sopan dan menghormati orang lain selain berfikiran terbuka tanpa melihat perbezaan antara manusia misalnya kaum, agama sebaliknya menerima kepelbagaian yang ada.

“Kami tidak dididik dengan semangat perkauman atau prejudis.

sedia meninggalkan rumah kerana saya tahu, di luar sana keadaan sangat berbeza,” katanya kepada BERNAMA sempena sambutan ulang tahun ke-50 Rukun Negara bersempena sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Kebangsaan 2020, yang dijadual 9 Julai depan.

Kunci utama penggubalan Rukun Negara hasil perundingan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang ditubuhkan selenas

dirumuskan dalam perbincangan itu, kebanyakan orang ramai mempunyai agama dan kepercayaan kepada Tuhan.

“Namun dalam perdebatan itu ayah saya tidak meminggirkan mereka yang tidak mempercayai tuhan seperti golongan ateis. Inilah semangat dan daya pemikiran untuk mengangkat perbincangan sedalam-dalamnya,” katanya.

Eddin berkata, melalui pengalaman dan pemerhatiannya selama hampir 30 tahun terbabit dalam program kebudayaan di peringkat akar umbi, Rukun Negara yang menjadi panduan setiap warga Malaysia sudah bersemarak agak lama.

“Namun, penghayatannya masih kurang untuk masyarakat kita benar-benar memahami apa yang terkandung dalam Rukun Negara,” katanya.

Sebagai aktivis kebudayaan yang menjelajah ke seluruh negara, beliau yang banyak mengkaji kebudayaan Melayu terutama kesenian tradisi Kelantan, berharap usaha perlu diteruskan untuk meneroka idea baharu bagi menyuburkan semangat Rukun Negara terutama dalam kalangan generasi muda